



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**SEELONG TINGKATKAN DAYA HUNI DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR
NEGERI JOHOR DI TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI (TPS)**



Pada 24 Februari 2022 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan lawatan ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari (TPS) Seelong, Mukim Kulai, Johor Bahru yang merupakan tapak pelupusan terbesar di Negeri Johor dan telah mula beroperasi sejak tahun 2003.

YB Menteri KPKT telah melakukan tinjauan ke TPS Seelong bagi melihat pengoperasian tapak yang berkeluasan 266.274 ekar yang merangkumi 13 buah sel pelupusan sisa pepejal. TPS Seelong berupaya menguruskan sebanyak 1250-1700 tan sisa pepejal sehari yang dijana dari kawasan sekitar selatan Johor. Ketika ini, tapak TPS Seelong menerima sisa pepejal dari tiga (3) buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Bandaraya Johor Bharu dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

Menurut YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, "Sepanjang pengoperasian TPS Seelong, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM 125.1 juta bagi kos pembinaan sel 1 sehingga sel 6. Sebanyak RM 15.35 juta dibelanjakan bagi kos perolehan sebahagian lot tanah tapak berkenaan bagi membantu Kerajaan Negeri Johor membangunkan TPS Seelong. Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan sejumlah RM 60 juta bagi menampung kos peruntukan pembangunan (Capital Expenditure [CAPEX]) pembinaan Sel 7 dan Sel 8."



Beliau turut menyatakan bahawa sebaik sahaja perjanjian konsesi yang dimeterai antara Kerajaan Negeri Johor dan SWM Environment selama 21 tahun ini tamat pada tahun 2024, Kerajaan Persekutuan komited untuk mengambil alih fasiliti ini. Kerajaan turut merancang untuk membina sebuah fasiliti rawatan sisa pepejal berteknologi tinggi dan mampan bagi memastikan kelestarian alam sekitar di Negeri Johor.

Secara umumnya, terdapat sebanyak 137 buah tapak pelupusan di seluruh Malaysia di mana 31 daripadanya adalah tapak pelupusan sanitari dan baki 106 buah tapak lagi adalah pelupusan bukan sanitari (dumpsite). Pada masa ini, terdapat sebanyak lapan (8) buah tapak pelupusan dan satu (1) stesen pemindahan yang berupaya menguruskan sekitar 3,350 tan/sehari sisa yang dijana di seluruh negeri Johor.

Selari dengan 'Enam Fokus Malaysia Berdaya Huni 2022 KPKT', YB Dato' Sri Reezal Merican terus meletakkan komitmen agenda Malaysia Berdaya Huni atau Liveable Malaysia dalam pengurusan sisa pepejal yang efektif demi kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar. Turut hadir semasa lawatan tersebut ialah YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT serta pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KPKT.